

20 NOV 2003

Salleh-Penggiliran/I

UMNO SABAH BINCANG BERSAMA KOMPONEN BN AKAN FORMULA BARU PERKONGSIAN KUASA

KOTA KINABALU, 20 Nov (Bernama) -- Umno Sabah akan memulakan perbincangan bersama parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri untuk mendapatkan pandangan mengenai cara baru perkongsian kuasa dalam usaha menyelesaikan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Salleh Tun Said berkata Umno negeri akan membahaskan hal itu selepas Hari Raya dan seterusnya akan mengadakan mesyuarat bersama pemimpin-pemimpin BN negeri.

Beliau berkata terdapat keperluan untuk mengadakan perbincangan memandangkan Perdana Menteri baru telah memberikan BN negeri "ruang" untuk memutuskan masa depan sistem penggiliran jawatan itu.

"Kita perlu berterima kasih kepada Perdana Menteri. Kini ia telah menjadi urusan Sabah, ia tidak lagi perlu dirujuk kepada pucuk pimpinan BN. Sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab dan sebagai tulang belakang Kerajaan Negeri, Umno akan memulakan perbincangan...jadi kita perlu menyelesaikan isu itu buat selama-lamanya," katanya kepada pemberita dalam persidangan berita di Wisma Tun Fuad, dekat sini, hari ini.

Pada Isnin lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kepimpinan BN belum lagi memutuskan sama ada untuk meneruskan atau tidak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri bagi setiap dua tahun.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata beliau tidak akan masuk campur dalam hal itu dan akan biarkan para pemimpin Sabah mencapai kata sepakat.

"Kita harus menyelesaikan isu ini sebelum pilihan raya akan datang...kita tidak harus menyembunyikannya daripada rakyat Sabah. Perlu ada cara baru dalam perkongsian kuasa dan kita akan bincangkan idea ini bersama rakan-rakan kita dalam BN," katanya.

Salleh, yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan berkata terdapat keperluan untuk meninjau semula kesesuaian sistem penggiliran mengikut senario politik sekarang ini selepas sistem itu dilaksanakan untuk hampir 10 tahun.

"Saya rasa setiap orang dalam BN negeri bersedia untuk meninjau semula semua perkara. Kita tidak harus tertutup dalam hal ini kerana kita amalkan politik bertolak ansur...cuba memuatkan kepentingan semua.

"Semangat penggiliran ialah untuk berkongsi kuasa dan untuk berlaku adil kepada semua masyarakat. Jadi, adalah mungkin untuk berlaku adil terhadap semua masyarakat dan untuk berkongsi kuasa tanpa menggilirkan jawatan Ketua Menteri. Inilah isu yang perlu dibincangkan di kalangan parti-parti komponen BN," katanya.

Salleh berkata: "Kita mesti ingat yang sistem penggiliran ini ialah percaturan politik BN dan tidak tertera dalam perlembagaan negeri dan sebab itulah ia tidak memerlukan pungutan suara...BN negeri sendiri boleh memutuskannya".

"Keutamaan kami ialah untuk membangunkan lagi negeri ini seperti yang ditekankan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman dalam agenda "haltuju" beliau dalam memastikan Sabah melangkah ke depan tanpa mengetepikan konsep perkongsian kuasa, dan berlaku adil kepada semua masyarakat," katanya.

Sistem penggiliran itu yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, diamalkan di Sabah sejak BN membentuk Kerajaan Negeri pada Mac 1994.

Ia bertujuan memberikan peluang kepada para pemimpin tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina -- untuk mengetuai negeri itu untuk tempoh setiap dua tahun.

Sistem itu bagaimanapun diubahsuai sedikit pada Mac 2001 untuk membolehkan pemimpin Umno memegang jawatan Ketua Menteri dua kali dalam setiap kitaran.

Sistem penggiliran ini telah menyaksikan pelantikan tujuh Ketua Menteri -- Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Ketua Menteri sekarang Datuk Seri Musa Aman.

-- BERNAMA

NT PR